



NOTIS PERKAPALAN SAUDAGAR
MARINE SHIPPING NOTICE

NPM 02/2003

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7777 Fax: 03-3168 5289

E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

KOD SAKP – KEPERLUAN UNTUK KAPAL
ISPS CODE – REQUIREMENTS FOR SHIPS

Pemakluman kepada kemudahan pelabuhan, pemilik kapal, nakhoda, pegawai dek serta mereka di Pusat Latihan Maritim

Information to port facilities, shipowners, master, deck officers and those concerned in the maritime training institutions

SOLAS Bab XI-2 dirujuk

SOLAS Chapter XI-2 is referred

Persidangan Diplomatik di Ibu Pejabat IMO London mengenai sekuriti Maritim pada Disember 2002 telah mengguna pakai beberapa pindaan dalam SOLAS 74. Pindaan ini menzahirkan satu bab baru terbentuk – Bab XI – 2 yang dijangka berkuatkuasa pada 1 Julai 2004.

A Diplomatic Conference on Maritime Security held at IMO headquarters London in December 2002 adopted several amendments to SOLAS 74. These amendments resulted in a new Chapter formed - Chapter XI - 2 which is expected to come into force in 1st July 2004.

2. Bab XI – 2 – Langkah Khas untuk Meningkatkan Keselamatan Maritim – diguna pakai untuk jenis-jenis kapal yang belayar di perairan antarabangsa. Jenis-jenis kapal tersebut ialah :

2. Chapter XI-2 - Special Measures to Enhance Maritime Security - applies to the following types of ships engaged on international voyages:

- Kapal penumpang termasuk kapal penumpang berkelajuan tinggi.
- Kapal kargo termasuk yang berkelajuan tinggi dan berat 500 GT ke atas.
- Pelantar gerudi mudah alih persisiran pantai dan
- Pelabuhan yang mengendalikan kapal yang belayar di perairan antarabangsa.

- Passenger ships, including high-speed passenger craft;
- Cargo ships, including high-speed craft, of 500GT and above; and
- Mobile offshore drilling units; as well as
- Port facilities serving such ships engaged on international voyages

3. Jenis-jenis kapal di atas yang tertakluk di bawah SOLAS bab XI – 2 adalah di ingatkan bahawa kegagalan untuk mematuhi peraturan yang termaktub dalam bab tersebut akan mengakibatkan kapal tersebut di halang dari memasuki pelabuhan atau ditahan atau diarahkan untuk mengadakan pemeriksaan tambahan yang akan menyebabkan kelewatan yang tidak di ingini dan kos operasi yang meningkat.

3. The above type of ships to which SOLAS Chapter XI-2 applies are reminded that failure to comply with the requirements of the above chapter can result in the ship either being refused to enter into ports or being detained unduly or be subjected to additional inspections resulting in undue delays and higher cost expenses.

4. Pengusaha-pengusaha pelabuhan juga di ingatkan bahawa kegagalan untuk mematuhi keperluan bab XI-2 boleh menyebabkan kapal-kapal tidak lagi singgah ke pelabuhan mereka.

5. Kapal-kapal dan pelabuhan-pelabuhan yang dikehendaki mematuhi keperluan SOLAS bab XI-2 dan kod SAKP adalah diwajibkan untuk melihat nota Maklumat dan Panduan Maritim untuk keterangan lanjut mengenai cara-cara mematuhi keperluan kod SAKP.

6. Syarikat-syarikat perkapalan dan pejabat-pejabat pelabuhan adalah diingatkan bahawa tidak ada peruntukan untuk mereka melanjutkan tempoh pelaksanaan kod ISPS ini.

4. Port facilities are also reminded to which Chapter XI-2 applies that failure to comply with the requirements of the chapter may and can result in ships not calling at their port facilities

5. Ships and port facilities to which are required to comply with the requirements of SOLAS Chapter XI-2 and the ISPS Code are required to view Marine Information and Guidance Notes for further requirements on how to comply with the requirements of the ISPS Code.

6. Shipping companies and port facilities are reminded that there is no provision for the extension of the date of implementation of the ISPS code.

Ketua Pengarah Laut/*Director General of Marine*
Tarikh 24 July 2003